


Penentangan Rakyat terhadap Malayan Union

01 Bantahan Akhbar Melayu

Akhbar seperti **Utusan Melayu** (Singapura), **Majlis** (Kuala Lumpur) dan **Warta Negara** (Pulau Pinang).



Dato' Onn Jaafar



Datin Puteh Mariah

02 Bantahan Cendekiawan

Dato' Onn Jaafar, Za'ba, Dato' Nik Ahmad Kamil, Tengku Mohamed, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz, Md Yussof, Dato' Hamzah Abdullah dan Dato' Abdul Rahman Mohammad Yassin. Tokoh wanita seperti Cikgu Zaharah Abdullah, Halimahton Abd Majid, Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin, Datin Puteh Mariah dan Hasnah Ishak.

03 Bantahan Persatuan Melayu

Persatuan Melayu seperti Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor berjaya menghimpunkan orang Melayu dari seluruh negara untuk membantah Malayan Union.




04 Bantahan di Kelantan, Kedah dan Johor

- 15 Disember 1945, 10,000 orang berhimpun di Kota Bharu semasa Sir Harold MacMichael datang untuk mendapatkan tandatangan Sultan Kelantan.
- 19 Januari 1946, ribuan orang Melayu berarak di Alor Setar yang dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Kesatuan Ulama Kedah dan Persatuan Melayu Kedah.
- Januari 1946, Lembaga Kesatuan Melayu Johor melancarkan gerakan menentang Malayan Union. Perhimpunan turut disertai Persatuan Melayu Johor.

05 Mengadakan Kongres Melayu

Kongres Melayu Pertama berlangsung dari 1 Mac 1946 hingga 4 Mac 1946. 41 pertubuhan Melayu menghantar wakil terdiri daripada tokoh politik, sosial, ekonomi, perniagaan dan penghulu. Kongres bersetuju menubuhkan **UMNO** untuk menentang Malayan Union. Kongres Melayu Kedua diadakan di Istana Johor, Johor Bahru pada 11 Mei 1946 dan UMNO ditubuhkan.



06 Bantahan UMNO

UMNO menganjurkan tunjuk perasaan secara besar-besaran menentang Malayan Union semasa lawatan ahli Parlimen British, iaitu L.D.Gammans dan David Rees Williams.

